

Perspektif Syaikh Ahmad Al-Fatani Tentang Kaedah Mengenalpasti Penyakit : Analisis Awal Terhadap Kitab *Tayyib Al-Ihsan Fi Tibb Al-Insan*

*Perspectives of Syaikh Ahmad Al-Fatani About Methods of Identifying Illness : Early Analysis of Kitab *Tayyib Al-Ihsan Fi Tibb Al-Insan**

Fairuzah Mat Salleh^a, Zilal Saari^b, Nur Najwa Hanani Abdul Rahman^a, Norhissam Mustafa^c

^aAcademy of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor

^bCentre of Research for Fiqh Science and Technology, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor

^cCentral of Tahfiz Medik, Taman Teratai, 81300 Skudai, Johor

*Corresponding author: fairuzah.matsalleh@graduate.utm.my

Article history

Received: 2019-01-06 Received in revised form: 2019-03-21 Accepted: 2019-07-07 Published online: 2019-10-07

Abstract

Disease identification or disease diagnosis process is an important element in a treatment process. A complete diagnosis can lead to the determination of the right type of treatment and proper prescription medication in the disease healing process. Syaikh Ahmad Al-Fatani, is a great religious scholar and his medical knowledge in the Malay World, has produced a book manuscript that could be a guide to Malay medical practitioners, especially in the process of diagnosing patients. Hence, this study will discuss Shaykh Ahmad Al-Fatani's perspective on the method of identifying illness by focusing on his manuscript, *Tayyib Al-Ihsan Fi Tibb Al-Insan*. The book discusses on Malay medicine, with main focus to determine the medicines and treatments against ailments. Data collection is done through library research and bibliografi data analysis from this book, past studies and related journals to determine the method using by Syaikh Ahmad Al-Fatani for identification of illness. Although the method of identifying illnesses is not described in detail, the basic principles can be further studied in a more structured and scientific way to aid develop Malay medicine.

Keywords: Disease diagnosis, healing of the disease, Syaikh Ahmad Al-Fatani, Malay medicine.

Abstrak

Mengenalpasti penyakit atau proses diagnosis penyakit merupakan elemen penting dalam sesuatu proses rawatan. Diagnosis yang lengkap mampu membawa kepada penentuan jenis rawatan yang betul dan preskripsi ubat yang tepat bagi membantu proses penyembuhan penyakit. Syaikh Ahmad Al-Fatani merupakan seorang tokoh agama yang hebat dan tinggi ilmu perubatannya di Alam Melayu ini telah menghasilkan manuskrip kitab yang boleh menjadi panduan kepada para pengamal perubatan Melayu khususnya dalam melaksanakan proses diagnosis kepada pesakit. Justeru, artikel ini menghuraikan perspektif Syaikh Ahmad Al-Fatani berkaitan kaedah mengenalpasti penyakit dengan memfokuskan terhadap manuskrip kitabnya *Tayyib Al-Ihsan Fi Tibb Al-Insan*. Karya ini merupakan salah satu kitab Syaikh Ahmad Al-Fatani mengenai perubatan Melayu dan sebahagian besar kandungannya membincangkan tentang ubat dan rawatan terhadap sesuatu penyakit. Pengumpulan data dilakukan melalui kajian perpustakaan dan analisis data bibliografi daripada kitab ini, kajian-kajian lepas serta jurnal-jurnal berkaitan bagi mengenalpasti kaedah yang digunakan oleh Syaikh Ahmad Al-Fatani untuk mengenalpasti penyakit. Walaupun kaedah dalam mengenalpasti penyakit tidak diterangkan dengan terperinci dalam kitab ini, asas yang diutarakan boleh dikaji dengan lebih mendalam secara lebih tersusun serta saintifik bagi membantu pembangunan ilmu perubatan Melayu.

Keywords: Diagnosis penyakit, penyembuhan penyakit, Syaikh Ahmad Al-Fatani, perubatan Melayu.

1.0 PENDAHULUAN

Ilmu perubatan telah wujud sejak wujudnya tamadun manusia sebagai asas kepada keperluan hidup yang sihat dan sejahtera. Mohamed Mohamed et al. (2018) menyatakan disiplin ilmu perubatan ialah bidang ilmu yang menganalisis anggota badan dan penyakit bagi menjaga kesihatan manusia dan mempertingkatkan tahap kesejahteraan masyarakat sejagat. Musa (1988) pula menyatakan dalam bukunya *Manhaj al-Bahth al-'Ilmi 'Inda al-Arab fi Majal al-Ulum al-Tibbiyah wa al-Kawniyyah* mendefinisikan ilmu kedokteran sebagai disiplin ilmu untuk mengenal pasti keadaan badan manusia sama ada sihat atau sebaliknya.

Al-Razi berpendapat, sebelum rawatan ke atas pesakit dilakukan, perawat perlu mengenalpasti terlebih dahulu jenis penyakit yang tersembunyi dalam anggota badan pesakit. Seorang doktor atau perawat harus melihat secara menyeluruh keadaan anggota badan pesakit termasuk tulang, saraf dan fungsinya, selain mengetahui apa-apa yang terkandung dalam tubuh pesakit supaya dapat disesuaikan dengan kaedah rawatan, ubatan dan penjagaannya. Menerusi bukunya *al-Mursyid*, al-Razi (1961) berkata, untuk mengetahui penyakit anggota tubuh yang tersembunyi pada seorang pesakit, perawat perlu melihat terlebih dahulu dengan jelas elemen-elemen seperti bentuk luaran tubuh pesakit, mengetahui kedudukan anggota badan serta fungsinya, kedudukan tulang, apa yang terkandung di dalamnya dan cara terbaik menjaganya. Bahkan boleh dikatakan fizikal luaran adalah cermin kepada jenis penyakit yang dihidapi manusia. Tegus beliau, jika semua itu tidak boleh diketahui dengan jelas maka pesakit berkenaan tidak boleh dirawat secara lebih berkesan. Untuk itu, beliau merumuskan bahawa seorang doktor perlu mengetahui semua aspek tersebut. Justeru, seorang doktor perlu dibekalkan ilmu anatomi yang menerangkan kerangka manusia, fisiologi-marfologi iaitu ilmu yang memperkenalkan fungsi struktur tubuh badan, selain ilmu al-Bazulugia atau ilmu tabiat jenis penyakit yang tersebar luas dalam kalangan masyarakat setempat (Mohamed, Daud, Fazlena, Asyraf, & Mohd, 2015).

Menurut Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka Edisi Keempat, perbuatan mengenal pasti sesuatu penyakit daripada tanda dan gejalanya dikenali juga sebagai proses diagnosis penyakit. Oleh itu, pengamal perubatan pada masa kini kebanyakannya menggunakan perkataan diagnosis penyakit yang merujuk kepada proses dan kaedah dalam menentukan dan mengenalpasti sesuatu jenis penyakit melalui tanda dan gejala yang dapat dilihat pada tubuh pesakit. Dalam melakukan proses diagnosis penyakit, perubatan moden dilihat terkehadapan dalam penyelidikan dan keilmuannya kerana kecanggihan teknologi serta kelengkapan perubatan yang dimanfaatkan oleh perubatan moden. Ini kerana, setiap penyakit perlu dikaji dengan terperinci sebelum ditentukan jenisnya dan memerlukan proses yang panjang dan rumit serta memerlukan bantuan teknologi terkini akibat keterbatasan manusia. Sebagai contoh, dalam proses diagnosis penyakit Tuberkolosis (TB) pelbagai proses perlu dilakukan bagi memastikan penyakit tersebut dihadapi oleh seseorang pesakit iaitu pengesanan basilus TB berkomputer melalui ujian kulit tuberculin (UKT), ujian palitan kahak, pembiakan dan radiologi. Proses diagnosis TB ini telah dijalankan secara konvensional dalam perubatan moden sejak 1982 dan memerlukan 5 hari untuk memperolehi laporan diagnosis yang lebih tepat dan boleh dipercayai (Aida Sharmila, 2010).

Namun begitu, perubatan Melayu mempunyai kaedah yang berbeza dalam mendiagnos atau mengenalpasti penyakit iaitu melalui dua kaedah iaitu diagnosa naturalistik dan diagnosa personalistik yang mana kedua-dua kaedah ini akan dilakukan oleh pakar perubatan Melayu yang dikenali sebagai bomoh. Diagnosa naturalistik adalah dengan melihat faktor-faktor fizikal seperti keadaan persekitaran dan fisiologi tubuh pesakit tersebut yang menyebabkan keseimbangan unsur-unsur asas dalam tubuh pesakit tersebut terganggu. Ia boleh dilakukan dengan pelbagai

cara seperti merasa denyutan nadi, memeriksa kulit, permukaan lidah, mata, perut, darah, telinga, kahak dan sebagainya. Manakala diagnosa personalistik melibatkan pemerhatian terhadap faktor-faktor kuasa supernatural seperti pengaruh ilmu sihir dan makhluk halus yang mengganggu kesihatan pesakit. Diagnosa ini dilakukan dengan melibatkan acara menurun atau *trace* iaitu bomoh akan meminta bantuan dari kuasa luar biasa yang mana teknik ini juga disebut sebagai pengubatan shamanistik seperti pengubatan menggunakan Main Puteri (Mohd. Koharuddin, 2003).

Antara *Tabib* dan Ulama' Melayu yang telah menulis berkaitan kaedah mengenalpasti penyakit adalah Syaikh Ahmad Al-Fatani di dalam karya beliau iaitu *Tayyib Al-Ihsan Fi Tibb Al-Insan*. Beliau menyentuh dalam karyanya ini mengenai persoalan diagnosis penyakit dan rawatan khusus terhadap pelbagai jenis penyakit berdasarkan diagnosis tersebut.

1.0 BIOGRAFI SYAIKH AHMAD AL-FATANI

Syaikh Ahmad Al-Fatani merupakan seorang ulama', ahli sains dan ahli perubatan Melayu terkenal pada abad ke-19. Riwayat dan latar belakang beliau dinyatakan dalam tulisan beliau dalam *Hadiqat Al-Azhar* dan turut ditulis oleh orang-orang yang sempat bertemu dengan beliau di Mekah, seperti Syaikh Abdullah Mirdad Ab Al-Khayr (Faathin, 2019). Terdapat juga tulisan dari sarjana Barat yang memperkenalkan Shaykh Ahmad Al-Fatani dalam tulisan-tulisan mereka antaranya Prof. C. Snouck Hurgronje, seorang sarjana Belanda dalam *Mekka in Latter Part of the Ninetenth Century* pada tahun 1931 di halaman 286-287 (Hurgronje, 2007). Tulisan dan pendapat Snouck ini telah dipetik oleh Prof. William R. Roff, dalam bukunya *The Origins of Malay Nationalisme* (Roff, 1965). Ahmad Boestaman telah menterjemahkan buku Roff ini dengan judul *Nasionalisme Melayu*. Selain itu, sarjana Barat lain seperti Virginia Matheson dan M.B. Hooker (1988) turut memetik tulisan Snouck dalam *Jawi Literature in Patani (JMBRAS)* dan juga Martin van Brunessen dalam beberapa halaman *Bidragen* (1990) khususnya pada halaman 230. Anak murid beliau sendiri iaitu Tok Kenali turut menulis tentang beliau dalam *Majalah Pengasub*, bertarikh 15 Februari 1934M pada halaman 13 dan 14 (Wan Mohd Shaghir, 2009; Wan Mohd Shoghir, 2014; Ninie Amira, 2015). Di halaman terakhir sebuah kitab yang ditulis dalam Bahasa Urdu juga terdapat catatan tentang Syaikh Ahmad Al-Fatani yang ditulis dalam Bahasa Arab (Mohd Affendi, 2018).

Nama lengkap beliau adalah Syaikh Ahmad Al-Fatani bin Wan Muhammad Zayn Al-Abidin Bin Wan Mustafa bin Wan Muhammad bin Wan Muhammad Zayn Al-Abidin bin Faqih Wan Musa bin Hidir bin Syaikh Wan Ahmad. Tahun kelahirannya telah ditulis dalam *Hadiqat Al-Azhar Wa Al-Rayabin* iaitu pada malam Jumaat, 5 Sya'ban 1272H bersamaan 10 April 1856M di Kampung Sena Janjar, Kampung Jambu, negeri Jerim, Fatani dan telah meninggal dunia pada tahun 1908M (1325H) di Mina ketika sedang menunaikan ibadah haji. Bapa beliau, Syaikh Wan Muhammad Zain merupakan seorang ulama yang sangat dihormati oleh masyarakat setempat ketika itu. Datuk beliau yang bernama Wan Mustafa telah wafat pada usia 120 tahun. Moyang beliau yang bernama Hidir mempunyai nama lain iaitu Syaikh Wan Muhammad Salih Al-Laqihi. Perselisihan berkaitan tahun kelahiran beliau iaitu pada tahun 1270H, seperti yang ditulis oleh Syaikh Abdullah Mirdad, berselisih dua tahun dari yang disebut sendiri oleh Syaikh Ahmad Al-Fatani. Syaikh Abdullah Mirdad Ab Al-Khayr (1868-1924M) merupakan seorang ulama' bangsa Arab di Makkah yang sempat bertemu dengan beliau telah mengatakan Syaikh Ahmad Al-Fatani telah tinggal di Makkah dalam usianya enam tahun bersama ayahnya dan pada ketika itu Syaikh Ahmad Al-Fatani telahpun menghafaz Al-Quran dan juga matan-matan pelbagai ilmu (Helmy, 2017).

Syaikh Ahmad Al-Fatani telah belajar dengan ramai guru antara yang disebut adalah Al-Allamah Sayyid Umar Al-Shami Al-Baq'a'i. Syaikh Ahmad telah belajar pelbagai aspek ilmu Arabiyah, Usuluddin, Tafsir, Hadith, Fiqh, Ma'ani, Bayan, 'Arud dan pelbagai lagi bersama ulama' ini. Beliau juga telah ke Mesir dan belajar dengan beberapa orang ulama' terkenal pada zaman itu. Beliau tinggal di Mesir sekitar tujuh tahun dan sempat menjadi pentashih kepada salah sebuah matba'ah di sana dan juga mendalami ilmu agama di Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir dan menjadi anak Melayu terawal menjadi pelajar di universiti ini. Setelah itu, beliau pulang semula ke Makkah dan bekerja sebagai pentashih kitab-kitab dalam Bahasa Melayu di matba'ah. Selain itu, gurunya yang lain adalah Syaikh Muhammad Bin Sulaiman Hasbullah, Sayyid Al-Husaini Al-Habsyi, Sayyid Muhammad Amin Ar-Ridhwan, Syaikh Mustafa Al-Afifi, Syaikh Muhammad Bin Ismail Al-Fatani, Syaikh Abdul Kadir Bin Abdul Rahman Al-Fatani, Syaikh Muhammad Said Al-Kalantani dan ramai lagi (Amri, 2016).

Syaikh Ahmad telah mendapat pendidikan khusus secara mendalam dalam bidang perubatan selama dua tahun ketika beliau berada di Baitul Maqdis melalui Syaikh Abd Al-Rahim Al-Kabuli, seorang doktor yang berasal dari Kabul, Afghanistan. Perkara ini telah dicatatkan dalam Bahasa Arab di halaman terakhir sebuah kitab dalam Bahasa Urdu bahawa Syaikh Ahmad selesai mempelajari kitab perubatan selepas Zuhur, hari Sabtu 21 Ramadhan 1312H dari Syaikh Abd Al-Rahim Al-Kanuli, seorang doktor yang mahir dan termahsyur. Syaikh Ahmad dikenali oleh beberapa doktor di Mesir melalui beberapa surat yang ditemui dikirimkan oleh doktor-doktor tersebut kepada beliau di Makkah yang di antaranya meminta beliau bekerjasama dengan mereka untuk penelitian pelbagai jenis ubat yang baru diperkenalkan ketika itu (Mohd Affendi, 2018).

Syaikh Ahmad telah menghasilkan banyak karya dan tulisan dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Beliau mempunyai pelbagai gelaran yang beliau gunakan dalam kitab-kitabnya antaranya Al-Adib. Beberapa orang ulama' Arab yang lain antaranya Syaikh Taha Qatar (1182M) turut menggelarkan beliau Al-Adib yang dimaksudkan sebagai seorang yang benar-benar menguasai pelbagai aspek kesusasteraan Arab secara mendalam. Sarjana Barat juga turut mengiktiraf keilmuan dan tulisan Syaikh Ahmad antaranya Prof. C. Snouck Hurgronje, seorang sarjana Belanda dalam bukunya *Mekka in the Latter Part of the Ninetenth Century* (1931 : 286-287) yang menggelarkan Syaikh Ahmad sebagai "*A Savant of Merit*". Prof. William R. Roff pula telah memetik tulisan dan pendapat Snouck dan dimuatkan dalam bukunya *The Origins of Malay Nationalism* namun menukarkan gelarannya kepada "*a great savant*". Kedua-dua gelaran tersebut membawa erti "*Seorang Sarjana Ulung*". Penulis dari dunia Melayu juga cukup ramai untuk disebutkan, jadi dibiarkan begitu sahaja. Sumber dari penulis Arab dan Barat tidak semuanya dapat diterima kerana terdapat beberapa maklumat yang bertentangan dan bercanggah dengan sumber asli yang ditulis dan dicatat sendiri oleh Syaikh Ahmad Al-Fatani (Mohd Affendi, 2018).

Syaikh Ahmad Al-Fatani telah menulis lembaran yang berkaitan sains dan teknologi antaranya berkaitan dengan komputer, kenderaan laut dan udara dan sebagainya walaupun belum ada alat-alat seperti itu ketika zaman tersebut. Antara kepandaian beliau adalah membuat emas 24k atau jenis-jenis emas yang lain melalui kaedah pembancuhan pelbagai zat lain yang bukannya dari bahan asal emas atau bahan-bahan galian lain namun dikatakan naskhah tersebut telah beliau bakar. Seorang tuan guru pondok di Patani, Haji Uthman (1992M) menceritakan pernah melihat naskhah tersebut di rumah Syaikh Ahmad Al-Fatani di Mekah kerana Haji Uthman bersama sahabatnya, Haji Nik Abdullah pernah tinggal di rumah Syaikh Ahmad Al-Fatani. Di dalam naskhah pembuatan emas itu, turut tercatat cara-cara membuat mancis, sabun dan sebagainya (Helmy, 2017).

Dua karya Syaikh Ahmad Al-Fatani khusus membicarakan berkaitan ilmu perubatan iaitu *Tayyib Al-Insan Fi Tibb Al-Insan* yang telah ditulis dalam Bahasa Melayu dan selesai ditulis pada 13 Zulhijjah 1312H/1894M iaitu empat bulan setelah beliau selesai mempelajari sebuah kitab perubatan dalam Bahasa Urdu. Selain kitab *Tayyib Al-Ihsan*, beliau turut menulis berkaitan perubatan di beberapa halaman dalam *Hadiqat Al-Azhar* dan *Luqtab Al-'Ajlan*. Selain itu, turut ditemui juga lembaran-lembaran catatan yang merupakan eksperimen-eksperimen beliau terhadap pelbagai jenis tumbuhan dan haiwan yang boleh digunakan sebagai ubat kepada pelbagai penyakit. Catatan-catatan tersebut menjadi bukti bahawa Syaikh Ahmad Al-Fatani cuba menggabungkan hasil pembelajarannya dengan penelitian beliau dengan bersumberkan khazanah Alam Melayu. Ramai tuan guru pondok menceritakan bahawa Syaikh Ahmad Al-Fatani adalah merupakan putera Melayu pertama mempelajari ilmu perubatan yang mana sehingga ke saat ini belum ada seseorang yang dikenali sebagai ulama besar dan sekaligus sebagai ahli perubatan di Alam Melayu (Mohd Affendi, 2018).

2.0 KITAB *TAYYIB AL-IHSAN FI TIBB AL-INSAN*

Manuskrip Kitab *Tayyib al-Ihsan fi Tibb al-Insan* merupakan manuskrip pertama yang ditulis berkenaan perubatan Melayu tradisional. Isi kandungannya telah ditulis di dalam bahasa Melayu dan kitab asalnya menggunakan tulisan jawi. Kitab ini mengandungi 14 fasal. Pada mukadimah kitab ini, Syaikh Ahmad al-Fatani telah mengutarakan serba sedikit pendapat beliau berkenaan perubatan tradisional yang terdapat di Alam Melayu. Bangsa Melayu seharusnya berbangga dengan khazanah tumbuhan yang terdapat di Alam Melayu kerana kebanyakannya mempunyai khasiat yang berguna dalam perubatan. Selain itu, beliau juga memberikan saranan kepada raja-raja Melayu supaya menggalakkan serta menyediakan modal kepada mereka yang berminat untuk mengkaji tentang tumbuh-tumbuhan yang terdapat di Alam Melayu (Faisal @ Ahmad Faisal & Helwana, 2007).

Di pengakhiran mukadimah tersebut, Syaikh Ahmad al-Fatani telah menukulkan harapannya supaya ada dalam kalangan bangsa Melayu untuk mengkaji tumbuh-tumbuhan yang terdapat di Alam Melayu untuk dijadikan sebagai ramuan dalam perubatan. Seterusnya, Syaikh Ahmad al-Fatani telah menghuraikan perubatan dalam beberapa fasal yang penting. Antara fasal yang terkandung dalam kitab ini ialah bahagian nadi, penyakit yang berkaitan dengan kepala, penyakit yang terdapat di bahagian muka dan yang berhampiran dengannya termasuklah hidung, mulut, mata dan telinga. Terdapat juga fasal yang membicarakan tentang penyakit yang terdapat pada dada dan juga bahagian perut (Faisal @ Ahmad Faisal & Helwana, 2007).

Setiap satu fasal memperkatakan tentang satu penyakit utama dan kemudian telah dipecahkan kepada penyakit-penyakit yang berkaitan dengannya, setiap satu penyakit mempunyai pelbagai cara untuk mengubatnya. Sebagai contoh, dalam fasal ke lapan dibicarakan berkenaan penyakit di bahagian kepala. Di bawah fasal ini terdapat 13 penyakit ataupun rawatan yang berkaitan dengan bahagian kepala. Antaranya ialah cara untuk merawat sakit kepala yang panas, sakit kepala disebabkan panas matahari, pening dan sebagainya. Ada juga dinyatakan cara untuk mencegah uban dan merawat rambut yang gugur (Faisal @ Ahmad Faisal & Helwana, 2007).

Pada pengakhiran kitab ini, Syaikh Ahmad al-Fatani menghuraikan punca terjadinya sesuatu penyakit. Antara petikan daripada kitab tersebut ialah (Faisal @ Ahmad Faisal & Helwana, 2007):

Dan mengkali (berkali) minum air sejuk pada malam mempusakakan buta. Demikian mengkali (berkali) menjirus air sejuk atas kepala dan jika

pada musim panas sekalipun. Dan mengkali (berkali) makan telur mempusakai penyakit kura.

Dan mengkali (berkali) makan telur rebus mempusakakan lelah dan picik (payah) bernafas.

Dan makan segala yang masin [,] atau ikan kemudian daripada buang darah berbekam [,] atau berpetik mempusakai akan penyakit sopak dan gatal ...

Dan menahankan sedawa mempusakakan batuk dan gementar dan sakit jantung. Dan menahankan menguap mempusakakan gementar dan parau suara dan mengkerucut (berkedut) kulit. Dan menahankan bersin mempusakakan penyakit lequh dan sakit kepala dan kelam mata dan berat telinga. Dan menahankan menangis mempusakakan zukam. Dan banyak lapar mempusakakan tuli dan kelam mata dan pening kepala dan jahat perangai...

3.0 HURAIAN SYAIKH AHMAD AL-FATANI TENTANG KAEDAH MENGESAN PENYAKIT

Perbincangan mengenai kaedah mengesan penyakit dalam perubatan Melayu berdasarkan pendekatan Syaikh Ahmad Al-Fatani menerusi manuskrip kitabnya yang bertajuk *Tayyib Al-Ihsan Fi Tibb Al-Insan* yang hanya tertumpu pada fasal mukaddimah sehingga fasal yang kelima sahaja. Ini kerana pada enam bahagian awal yang dinyatakan oleh Syaikh Ahmad Al-Fatani dalam kitabnya mengandungi perkara-perkara yang menerangkan kaedah dalam menentukan dan mengesan penyakit pada tubuh seseorang pesakit. Kajian ini lebih tertumpu kepada kitab yang telah ditransliterasikan oleh Dr Mohd Affendi yang merupakan seorang pensyarah perubatan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia cawangan Kuantan. Ini adalah disebabkan bahasa asal dan tulisan asal kitab ini adalah di dalam Bahasa Melayu klasik serta bertulisan jawi perlu kepada penelitian semula supaya pengkajian terhadap kitab ini dapat diteruskan.

Di dalam bahagian mukaddimah kitab ini, Syaikh Ahmad Al-Fatani menyebutkan bahawa asas ilmu perubatan adalah bertujuan untuk mengekalkan kesihatan yang sedia ada dan menyediakan rawatan penyembuhan kepada penyakit yang dihadapi oleh seseorang pesakit. Justeru, Syaikh Ahmad Al-Fatani menghuraikan bahawa ilmu perubatan merangkumi ilmu pencegahan penyakit dan juga ilmu pengubatan (Hj. Wan Mohd Shaghir, 2015). Syaikh Ahmad Al-Fatani telah menghuraikan perkaitan antara keadaan cecair pada tubuh dengan kesihatan seseorang. Di samping itu, beliau turut mengaitkan ilmu fiqh dengan ilmu perubatan (Mohd Affendi, 2018).

Pada fasal yang pertama kitab ini, Syaikh Ahmad Al-Fatani menerangkan berkaitan punca kepada berlakunya penyakit pada tubuh badan dan simptom kepada sesuatu penyakit. Beliau menyatakan bahawa punca penyakit adalah disebabkan ketidakseimbangan fungsi dan aliran cecair di dalam tubuh badan akibat daripada aktiviti seharian. Beliau turut menyatakan bahawa terdapat empat cecair utama yang terdapat di dalam tubuh manusia, setiap cecair mempunyai keadaan normal pada tubuh manusia yang sihat iaitu :

Darah = panas basah

Safra' (Cecair Hempedu) = panas kering

Balgham (Bendalir Badan) = sejuk basah

Sawda' (Cecair Limfa) = sejuk kering

Syaikh Ahmad Al-Fatani telah menggariskan tiga kaedah bagi menentukan keadaan cecair badan yang tidak normal yang membawa kepada punca penyakit iaitu melalui pengesanan nadi, melihat warna air kencing dan kaedah selain daripada dua kaedah tersebut seperti melalui pemerhatian pada keadaan darah dan *safra'*.

3.1 Pengesanan Penyakit Pada Nadi

Pada fasal kedua, Syaikh Ahmad Al-Fatani menerangkan keadaan nadi bagi tubuh yang normal dan sihat serta perbezaannya dengan tubuh yang sakit. Melalui pengesanan pada nadi pesakit, keadaan pergerakan nadi tersebut boleh menentukan punca dan tanda penyakit yang sedang dialami oleh pesakit. Bagi tubuh yang sihat, keadaan nadi adalah seperti yang dinyatakan :

“(Dan) Adakalanya pertengahan pada kasar dan halus, dan segera dan lembut, dan itu ‘alamat pertengahan segala akhlat dan tanda sihat dan ‘afiyat.”

Manakala bagi yang sedang mengalami kesakitan, keadaan nadi adalah seperti yang dinyatakan :

“Bermula Nadi itu ada kalanya kasar lagi lekas gerakannya dan iaitu menunjuk atas banyak darah. (Dan) Adakalanya halus lagi segera gerakannya jua dan iaitu ‘alamat atas lebih safra’. (Dan) Adakalanya halus lagi lembut gerakannya dan iaitu tanda atas bertambah sawda’. (Dan) Adakalanya kasar lagi lembut gerakannya jua dan iaitu menunjuk atas banyak balgham.”

Di akhir fasal kedua, Syaikh Ahmad Al-Fatani menekankan bahawa hanya perawat yang benar-benar mahir dan berpengalaman sahaja yang mampu menentukan keadaan nadi pesakit untuk mengesan penyakit yang dialami oleh pesakit. Justeru, seorang pengamal perubatan itu perlu mengikuti pengajian yang khusus untuk mendalami kaedah ini.

3.2 Perbandingan Warna Air Kencing

Pada fasal ketiga, Syaikh Ahmad Al-Fatani menghuraikan kaedah mengesan penyakit berdasarkan warna pada air kencing. Syaikh Ahmad Al-Fatani menyatakan seperti berikut :

“Warnanya yang merah serta kasar, tanda atas darah; (Dan) Warna putih serta kasar ‘alamat atas balgham; (Dan) Kuning serta kasar menunjuk atas safra’; (Dan) Jernih serta halus tanda atas sawda’; (Dan) Merah yang semata-mata ‘alamat panas; (Dan) Halus ‘alamat kering; (Dan) Hijau ‘alamat sejuk; (Dan) Putih dalil basah; (Dan) Kuning yang jernih dalil sakit; (Dan) Kuning yang pertengahan dalil sihat dan ‘afiyat; (Dan) Merah yang bersih dalil dukacita dan sakit kabd ertinya sakit hati darah. (Dan) Kelabu tanda demam; (Dan) Seperti warna kumkuma tanda safra’; (Dan) Busuk tanda payah kencing; (Dan) Bersalah-salahnya itu tanda kebinasaan; (Dan) Bagi qarurah ini perceraian yang banyak pula tiada meluaskan dia oleh ini mukhtasar.” (Wan Ahmad al-Fatani, 2018).

Jika diteliti berdasarkan pernyataan di atas, warna air kencing seperti yang dinyatakan membawa maksud kepada keadaan tubuh seseorang sama ada berada dalam keadaan sihat atau sebaliknya. *Qarurah* seperti yang dinyatakan oleh Syaikh Ahmad Al-Fatani dalam kitabnya ini bermaksud warna air kencing. Melalui kenyataan akhir dalam fasal ini beliau turut menyatakan

bahawa huraian berkaitan keadaan dan warna air kencing itu sendiri masih boleh dihuraikan selain dari yang telah dinyatakan bagi mengesan kelainan pada keadaan tubuh yang boleh membawa kepada timbulnya sebarang penyakit.

3.3 Tanda Penyakit Selain Melalui Nadi Dan Air Kencing

Pada fasal keempat kitab ini, Syaikh Ahmad Al-Fatani menerangkan tentang pengesanan melalui nadi dan melalui perbandingan warna air kencing. Antara kaedah lain yang dinyatakan oleh Syaikh Ahmad Al-Fatani dalam fasal ini adalah pengesanan penyakit melalui keadaan darah, keadaan *safra'*, tanda pada *balgham* dan tanda pada *sawda'*. Cecair pada tubuh yang tidak dalam keadaan sihat perlu dirawat dengan ditentukan juga kaedah dan ubat yang sesuai dengan pesakit agar pengaliran cecair pada tubuh badan pesakit dapat dipulihkan dan membawa kepada kesihatan.

Melalui pemerhatian pada keadaan darah, tanda penyakit boleh dikesan dengan melihat pada warna darah, kuantiti darah dan juga dibandingkan dengan keadaan darah normal yang panas dan basah. Apabila darah pada tubuh tidak seimbang akan menimbulkan penyakit seperti sakit kepala, sakit pada bahagian muka, sakit pada bahagian mata, hidung berdarah, timbulnya jerawat, sakit pada gusi, kejang pada gigi, bisul, penyakit kusta, demam dan pelbagai penyakit yang lain.

Melalui keadaan *safra'* pula, juga ditentukan melalui warnanya bagi mengesan tubuh dalam keadaan sihat atau sakit. Tubuh yang sedang sakit juga boleh dilihat jika keadaan *safra'* berbeza dari keadaan normalnya iaitu panas kering. Apabila *safra'* dalam tubuh tidak dalam keadaan yang sepatutnya akan membawa kepada penyakit seperti kepala terasa panas dan berpusing-pusing, sakit pada bahagian ubun-ubun, keluar air yang putih pada mata, hidung kering, timbul jerawat hitam, air liur terasa pahit, leher terasa kasar, panas pada perut, terasa sukar untuk membuang air kecil, batu karang, tapak kaki pecah-pecah pada musim panas, demam selang sehari, penyakit kuning dan sebagainya.

Begitu juga tanda pada *balgham* juga dilihat pada warnanya dan dibandingkan dengan keadaan normalnya yang sejuk dan basah. Antara penyakit yang akan timbul jika tidak normal *balgham* pada tubuhnya adalah kepala terasa berpusing, sakit kepala di sebelah kanan, mata terasa berdebu, sakit mata tetapi tidak merah, selsema, sakit telinga, sakit gigi, lidah terasa berat, batuk yang berkahak, sukar bernafas, senak perut, strok sebelah badan, demam yang menggigil dan pelbagai penyakit lain.

Melalui tanda pada *sawda'* juga dilihat pada warnanya dan dibandingkan juga dengan keadaan normalnya iaitu sejuk kering. Keadaan *sawda'* yang tidak seimbang membawa kepada penyakit seperti kurap pada kepala dan badan, kepala terasa berpusing, sakit kepala, telinga berdengung, masalah pada pernafasan, muntah-muntah, hati terasa berdebar-debar, was-was, batuk kering, tibi, demam sehari dan berhenti tiga hari, baras, judham dan sebagainya.

3.4 Ubat Ditentukan Melalui Punca Penyakit

Pada fasal kelima pula, Syaikh Ahmad Al-Fatani menekankan tentang kaedah merawat penyakit perlu didasari pada punca penyakit tersebut. Justeru, analisis punca kepada berlakunya ketidakseimbangan pada tubuh yang membawa kepada terjadinya penyakit perlu diteliti terlebih dahulu sebelum ubat yang tepat dapat diberikan. Beliau mencadangkan agar ubat yang diberikan perlu berlawanan dengan sifat pada punca penyakit tersebut.

Jika penyakit berpunca daripada keadaan darah yang tidak normal, maka ubatnya perlulah sejuk dan kering. Manakala jika penyakit berpunca daripada *safru'*, maka ubatnya perlu bersifat sejuk dan basah. Begitu juga jika penyakit disebabkan oleh tanda pada *balgham*, maka ubatnya pula perlu bersifat panas dan kering. Sebaliknya pula, jika penyakit daripada tanda *sawda'* maka ubatnya perlulah yang bersifat panas basah.

Melalui fasal kelima juga, Syaikh Ahmad Al-Fatani turut menerangkan tanda atau keadaan apabila sesuatu ubat itu berkesan terhadap seseorang pesakit. Ini antara perkara penting yang perlu diperhatikan dalam proses rawatan kerana setiap perkembangan pesakit daripada tindak balas ubat menentukan keadaan penyakit pada tubuhnya. Kaedah-kaedah dan tatacara dalam rawatan turut disentuh oleh beliau dalam fasal ini seperti berikut :

“(Dan) Apabila diubatkan badan yang bengkak maka jangan diisti’malkan ubat yang menghuraikan dia melainkan dicurahkan perut dahulu daripadanya.”

Kenyataan tersebut memberi panduan kepada perawat untuk menghadapi pesakit yang mengalami penyakit bengkak pada badan. Sebagai seorang perawat yang bijak sudah pasti akan menentukan dahulu punca penyakitnya dengan mengumpulkan segala maklumat yang timbul dari tubuh pesakit dan merawat pesakit berdasarkan kaedah yang sesuai dengan keadaan tubuh pesakit. Ini akan membantu kesembuhan pesakit dan memberi kestabilan kepada tubuh badan pesakit tersebut (Mohamed Mohamed , Daud , Fazlena , Asyraf , & Wan Mohd , 2018).

4.0 KAEDAH ANALISA KETIDAKSEIMBANGAN TUBUH DALAM PERUBATAN MELAYU SEMASA

Sebelum kedatangan Islam ke Alam Melayu, masyarakat Melayu telah mengetahui tentang selok belok ilmu perubatan menggunakan apa sahaja bahan yang terdapat di sekeliling mereka. Setelah Islam datang, ilmu perubatan yang telah diamalkan sejak sekian lama disesuaikan dengan tuntutan dan amalan agama Islam seperti kepercayaan kepada takdir, jampi serapah yang diganti dengan bacaan zikir serta ayat Al-Quran, tulisan-tulisan pengajian dalam tulisan jawi dan sebagainya. Secara umum, masyarakat Melayu mempercayai bahawa badan manusia mempunyai empat unsur utama yang mengawal tubuh badan iaitu air, api, angin dan tanah. Ketidakseimbangan antara unsur-unsur di dalam tubuh ini boleh membawa masalah kepada kesihatan manusia seterusnya mengundang penyakit (Abu Humayd, 2018).

Keterkaitan empat unsur dalam mengenalpasti penyakit ada dinyatakan dalam kebanyakan kitab perubatan Melayu seperti kitab *Bustanus Salatin* oleh Syaikh Nuruddin Ar-Raniri (1638M) dan kitab *Ar-Rahmah* oleh Syaikh Abbas Kuta Karang (1853M). Namun begitu, di dalam kitab *Tayyib Al-Insan* oleh Syaikh Ahmad Al-Fatani ini tidak dijumpai dengan jelas tentang perkaitan antara empat unsur dengan pengesanan penyakit sebaliknya lebih tertumpu kepada perkaitan antara ketidakseimbangan tubuh dengan keadaan cecair di dalam badan.

Perlu disedari bahawa perubatan Melayu masih ketinggalan dalam pengiktirafan dan pembangunan keilmuannya pada masa kini. Walaupun begitu, kerajaan telah menjalankan pelbagai usaha bagi menggalakkan pengkajian kitab-kitab perubatan Melayu untuk membuka kepada pengkajian secara saintifik. Kajian di peringkat awalan telahpun dimulakan oleh universiti tempatan namun lebih tertumpu kepada pengkajian ubatan herba dalam perubatan Melayu (Faisal @ Ahmad Faisal & Helwana , 2007). Kajian yang lebih terperinci dan mendalam perlu diteruskan bagi membangunkan sistem perubatan Melayu yang lengkap bagi menyediakan

pengamal perubatan Melayu yang diiktiraf keilmuannya seterusnya dapat memberi manfaat yang besar kepada pembangunan kesihatan masyarakat.

4.1 Perbandingan Amalan Dahulu Dan Amalan Semasa

Terdapat banyak kaedah dan cara yang biasa digunakan oleh pengamal perubatan Melayu untuk mengesan penyakit yang dihadapi oleh pesakit. Antara kaedah yang digunakan adalah dengan hanya mengetahui nama pesakit, menggunakan kaedah “imbasan” dengan merenung ke arah pesakit, menggunakan libasan tangan atas angin tanpa menyentuh pesakit (*scanning*) dan sebagainya. Namun, kaedah-kaedah ini boleh diragui keberkesanan dan amalannya sama ada menepati syariat Islam atau tidak. Justeru, lima perkara perlu dilihat untuk memastikan kesahihan serta kebenaran kaedah dan amalan dalam mengenalpasti penyakit iaitu perlu dilihat perbuatan dan tingkah laku perawat, cara berpakaian perawat, adakah berlakunya perawatan dengan cara menurun atau tidak, mentera dan jampi yang diamalkan dan juga adakah terdapat kaedah bedah batin yang digunakan (Abu Humayd, 2018).

Selain itu, jika dilihat dalam amalan perubatan Melayu, antara amalan yang dilakukan oleh bidan dan tukang urut adalah dengan mengurut urat dan otot serta menekan dan menggosok seluruh badan bagi melancarkan kembali perjalanan darah pada tubuh pesakit. Perbuatan ini boleh disamakan dengan kaedah diagnosis yang dilakukan dalam perubatan moden. Ini kerana, seorang bidan dan tukang urut lelaki mahupun perempuan perlu terlebih dahulu mengetahui dan memahami struktur anatomi tubuh badan manusia termasuk keadaan normal segala urat, nadi, tulang, otot dan kedudukan organ-organ dalam tubuh tanpa perlu membedahnya. Malah terdapat bidan atau dukun yang mampu mendiagnos pesakitnya melalui pemerhatian terhadap caranya bernafas, berjalan, bentuk serta keadaan muka dan cara pesakitnya bercakap. Namun, ianya memerlukan kepakaran hasil dari kemahiran yang tinggi dan pengalaman yang panjang serta diyakini. Tidak dapat dinafikan, kerjasama antara perubatan moden dan perubatan Melayu sebenarnya mampu memberikan kesan yang baik kepada penjagaan kesihatan masyarakat kerana kedua-dua modeliti ini terdapat kelebihan dan kekurangan masing-masing (Nur Zu, Tengku Nurul Hidayah, & Prof Madya Dr Amminuddin, 2012).

4.2 Cabaran Pengamal Perubatan Melayu

Terdapat seramai 4,975 orang pengamal Perubatan Tradisional Melayu di seluruh negara direkodkan pada tahun 2014, namun begitu berdasarkan kepada senario semasa dianggarkan keseluruhan pengamal yang aktif di seluruh negara adalah melebihi 6,000 orang (FRIM, 2015). Sehingga November 2016, pengamal Perubatan Tradisional Melayu yang berdaftar dengan Gabungan Pertubuhan Pengamal Perubatan Tradisional Melayu Malaysia (GAPERA) adalah berjumlah 1,963 orang, 93% daripada mereka tidak mempunyai pendidikan yang formal yang diiktiraf oleh pihak berwajib dan lingkungan usia mereka yang berdaftar ini adalah berada diantara umur 25 hingga 45 tahun (Gaper, 2016).

Berdasarkan data tersebut, adalah menjadi satu keperluan khusus untuk mengumpulkan semua Pengamal Perubatan Tradisional Melayu dalam satu wadah dan wacana keilmuan bagi memartabatkan warisan ini ke persada arus perdana. Tugas ini bukan sesuatu yang mudah memandangkan penelitian dan pengkajian ilmiah terhadap Perubatan Tradisional Melayu telah ditinggalkan semenjak beberapa dekad yang lalu (Norhissam, 2017).

Faktor utama kepada pemasalahan ini adalah kerana ketiadaan institusi pendidikan atau kemahiran yang menawarkan kursus berasaskan Modeliti Perubatan Tradisional Melayu (PTM) pada masa ini, sama ada di peringkat kerajaan mahupun swasta. Situasi ini diburukkan lagi

dengan ketiadaan piawaian pendidikan akademik atau latihan kemahiran bagi Perubatan Tradisional Melayu. Jika ada sekalipun, ianya hanya berada pada tahap kesejahteraan bukannya mengandungi pengetahuan yang membawa kepada tahap terapeutik dan rawatan penyakit kronik.

5.0 KESIMPULAN

Kajian untuk menentukan kaedah mengenalpasti penyakit dalam perubatan Melayu ini masih perlu diteruskan dan diperhalusi lagi berdasarkan kitab-kitab Tib yang ada. Perkara ini perlu dilakukan dalam kaedah dan disiplin ilmu yang tersusun agar hasil daripada diagnosis di dalam perubatan Melayu juga dapat dimanfaatkan untuk tujuan rawatan pelbagai penyakit yang menjadi permasalahan kepada kesihatan masyarakat kini. Pengamal yang berpengalaman dan berkemahiran perlu dilahirkan sesuai dengan keperluan semasa bagi memastikan ilmu perubatan Melayu yang sebenar dikembangkan dan diwariskan kepada generasi seterusnya. Kaedah mengenalpasti penyakit dan rawatan dalam perubatan Melayu dan Moden sepatutnya boleh diselarikan dalam menangani sebarang penyakit. Ini kerana setiap ilmu yang benar itu sudah pasti bersumberkan daripada sumber asalnya yang benar iaitu al-Quran dan Sunnah Nabi SAW. Hasil daripada kajian ini diharapkan mampu menjadi pemangkin kepada perkembangan perubatan Melayu ke arah melahirkan pengamal perubatan Melayu yang professional berasaskan sistem keilmuan yang berstruktur dan tersusun agar perubatan Melayu mampu sampai kepada tahap yang sewajarnya.

Rujukan

- Abu Humayd, S. M. (2018). *Pengubatan Islam; Antara Fakta & Auta*. Putrajaya: DT Printing & Publishing.
- Aida Sharmila, W. W. (2010). Rekabentuk Sistem Diagnosis Pintar Untuk Penyakit Tuberkulosis Berdasarkan Imej Kahak Ziehl-Neelsen. *Tesis Master Universiti Malaysia Perlis*, 3-5.
- Amri, E. W. (2016). *Syeikh Wan Ahmad Al-Fatani : Ulama Dan Saintis Agung Bangsa Melayu*. Retrieved from Fitrah Islami Online : <https://fitrahlslami.wordpress.com>
- Brunessen, M. Van. (1990). Kitab Kuning : Books In Arabic Script Used In The Pesantren Milieu. *Bidragen*, 146, 226–269.
- Faathin, A. M. F. (2019). Idea Sejarah Tanbih dalam Historiografi Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin Karya. *Islamiyyat*, 41(1), 37–47.
- Faisal @ Ahmad Faisal , A. H., & Helwana , M. (2007). Manuskrip Perubatan Melayu-Islam di Fatani: Ulasan Terhadap Manuskrip Kitab Tayyib al-Ihsan fi Tibb al-Insan Karya Syeikh Ahmad al-Fatani. *Jurnal al-Tamaddun*. 3, 110-127.
- Helmy, E. (2017). *Sheikh Wan Ahmad Al-Fatani: Ulama Dan Saintis Agung Orang Melayu*. Retrieved from The Patriots: <https://www.thepatriots.asia>
- Hj. Wan Mohd Shaghir, A. (2015). Thaiyibul Ihsan fi Thibbil Insan. In *Ensiklopedia Naskhab Klasik Nusantara*, 9-12. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Hurgronje, C. S. (2007). Mekka in Latter Part of the Ninetenth Century. In J. H. Monahan, *Translated of Mekka in Latter Part of the Ninetenth Century*, 286-287. Netherlands: Leiden Boston.
- Matheson, V., & Hooker, M. B. (1988). Jawi Literature In Patani : The Maintenance Of An Islamic Tradition. *MBRAS The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society*, 61(1), 1–86.
- Mohamed, M. T. S., Daud, I., Fazlena, A. R., Asyraf, A. R., & Mohd, W. K. F. W. K. (2015). Transformasi dan Sumbangan Al-Razi (854-932M) Dalam Bidang Perubatan. *Jurnal Islam Dan*

- Masyarakat Kontemporari*, 2018, 36–48.
- Mohamed Mohamed , T. S., Daud , I., Fazlena , A. R., Asyraf , A. R., & Wan Mohd , K. W. (2018, Mei). Transformasi dan Sumbangan Al-Razi (854-932M) Dalam Bidang Perubatan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 17(1), 6.
- Mohd Affendi, M. S. (2018). *Transliterasi Tayyib Al-Ihsan Fi Tibb Al-Insan*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Mohd. Koharuddin , M. B. (2003). Sains Perubatan Naturalistik Melayu : Satu Kajian Awal. *Jurnal Kemanusiaan*, 1(2), 34-41.
- Naseer, S. (2017). *Bustanus Salatin*. Pulau Pinang: Baytul Hikma.
- Ninie Amira, D. (2015). Sejarah Tamadun Islam Di Asia Tenggara: Tuk Kenali. *Fakulti Pengajian Islam Jabatan Pengajian Arab Dan Tamadun Islam*.
- Norhissam, M. (2017). Nota Kuliah Perubatan Melayu dan Tasawur Islam. *DPPM 01*, 1-28.
- Nur Zu, I. B., Tengku Nurul Hidayah, T. B., & Prof Madya Dr Amminuddin, R. (2012). Pencapaian Masyarakat Melayu Dalam Bidang Sains Dan Teknologi Sebelum Kedatangan Barat. *Seminar National Fiqh Science And Technology 2012*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Nurul Asmida, S. (2015). Pandangan MB Hooker Terhadap Adat Di Tanah Melayu: Analisis Terhadap Buku Islamic law in South-East Asia. *Tesis PhD Universiti Malaya*, 94.
- Roff, W. R. (1965). *The Origins of Malay Nationalism 1900-1941*.
- Wan Ahmad al-Fatani, M. Z. (2018). Kitab Perubatan Melayu Tayyib Al-Ihsan Fi Tibb Al-Insan. In M. S. Mohd Affendi, *Transliterasi Kitab Perubatan Melayu Tayyib Al-Ihsan Fi Tibb Al-Insan*, 37-56. Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia.
- Wan Mohd Shaghir, A. (2009). *Kebebatan Ulama Melayu Abli Sunnah wal Jamaah*. Retrieved from Utusan Online: <http://www.utusan.com.my>
- Wan Mohd Shoghir, A. (2014). *Syeikh Wan Ahmad al-Fathoni*. Retrieved from Jawi Nusantara: <https://jawinusantara.wordpress.com>